

NO. SOALAN: 296

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pembinaan Terminal Bersepadu Gombak (ITT) yang masih belum siap sehingga sekarang.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Terminal Bersepadu (*Integrated Transport Terminal - ITT*) Gombak telah dirancang oleh Kerajaan sebagai salah satu projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area - NKRA*).

2. ITT Gombak ini akan menyediakan kemudahan bagi perkhidmatan bas ekspres untuk koridor Timur yang merangkumi negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Lokasi ITT Gombak dipilih berdasarkan kebolehcapaiannya serta pengurangan kesesakan jalan raya kepada orang ramai dan kesepaduannya (*intergration*) dengan stesen LRT Gombak apabila ia siap dibina kelak.

3. Pada masa ini, kerja-kerja awalan sedang dijalankan termasuk pembersihan tapak, pengalihan utiliti serta kerja menaik taraf Jalan Lingkaran Tengah Kedua (MRR2) sebagai jalan masuk ke tapak projek. Projek ini dijangka akan bermula di tapak pada bulan Julai 2017 dan dijangka akan siap pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN : 297

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan apakah punca Kerajaan mengharamkan
perkhidmatan bonceng motosikal "Dego Ride".**

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Mengikut statistik tahun 2016, lebih kurang 62 peratus daripada lebih kurang 7,152 jiwa yang terkorban di atas jalan raya adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Mengikut analisa yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), risiko pengguna motosikal untuk terlibat dalam kemalangan maut dan kemalangan yang mengakibatkan cedera parah adalah 42.5 kali lebih tinggi daripada bas dan 16 kali lebih tinggi daripada kereta. Justeru, penggunaan Dego Ride akan mengakibatkan lebih ramai pengguna jalan raya terdedah kepada risiko kemalangan maut dan kecederaan parah.

Sehubungan dengan itu, mengambil kira faktor-faktor keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal, maka Kementerian Pengangkutan telah memutuskan agar tidak membenarkan Dego Ride beroperasi di jalan raya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD

SOALAN : NO. 298

Tuan Idris Bin Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pemegang ijazah doktor falsafah (PhD) daripada kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan berapa ramai mereka yang bekerja di dalam perkhidmatan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, pada tahun 2013 hingga 2016 seramai 27 orang graduan dari Orang Kelainan Upaya (OKU) telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Kajian tersebut juga menyatakan bahawa seramai 5 OKU yang bekerja dalam sektor awam dan 2 orang dalam badan berkanun.